# Imigresen Labuan tahan enam wanita Filipina, Indonesia

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Jabatan Imigresen Labuan menahan enam wanita pendatang asing tanpa izin (PTI) dalam satu operasi yang dijalankan Jumaat lalu.

Pengarah Imigresen Labuan Asani Ladjani berkata, daripada jumlah yang ditahan lima merupakan warga Filipina dan seorang lagi Indonesia berumur antara 20 hingga 45 tahun.

"Operasi tertumpu di sebuah restoran dan seramai 13 orang telah diperiksa," katanya kepada media semalam.

Asani menjelaskan mereka ditahan di bawah Seksyen 6(1)(c) dan Peraturan 39(b) Akta Imigresen 1959/63.

Manakala majikan premis itu pula disoal siasat di bawah Seksyen 55B akta yang sama kerana menggaji pekerja tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.




**TAHAN:** PTI warga Filipina dan Indonesia yang ditahan dikawal dua pegawai imigresen.

pegawai dan anggota penguat kuasa diketuai Timbalan

sen Labuan Ahmad Ismail Sazali

emua mereka ditahan di Ibu

# Imigresen Labuan tahan enam wanita Filipina, Indonesia

Oleh Henry Bating



TAHAN: PTI warga Filipina dan Indonesia yang ditahan dikawal dua pegawai imigresen.

**LABUAN:** Jabatan Imigresen Labuan menahan enam wanita pendatang asing tanpa izin (PTI) dalam satu operasi yang dijalankan Jumaat lalu.

Pengarah Imigresen Labuan Asani Ladjani berkata, daripada jumlah yang ditahan lima merupakan warga Filipina dan seorang lagi Indonesia berumur antara 20 hingga 45 tahun.

"Operasi tertumpu di sebuah restoran dan seramai 13 orang telah diperiksa," katanya kepada media semalam.

Asani menjelaskan mereka ditahan di bawah Seksyen 6(1)(c) dan Peraturan 39(b) Akta Imigresen 1959/63.

Manakala majikan premis itu pula disoal siasat di bawah Seksyen 55B akta yang sama kerana menggaji pekerja tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Operasi melibatkan enam pegawai dan anggota penguat kuasa diketuai Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Labuan Ahmad Ismail Sazali.

Kes masih disiasat dan kesemua mereka ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan.